

31/05/2002

Majlis Aids mahu penggunaan ubat generik dibenarkan

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Aids Malaysia (MAM) mahu kerajaan membenarkan pengeluaran ubat generik yang berharga lebih murah berbanding ubat berjenama bagi mengurangkan beban kos perubatan pesakit HIV/Aids.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata harga ubat bagi rawatan anti-retroviral untuk pesakit HIV mencapai sehingga RM2,000 sebulan sedangkan ubat generik berharga RM114 sebulan atau RM3.80 sehari bagi tiga jenis ubat.

"Penggunaan ubat generik dibenarkan di Brazil, India dan Thailand. Ia dapat membantu mengurangkan beban pesakit HIV/Aids untuk membayar kos bagi setiap rawatan yang diterima.

"Rawatan anti-retroviral penting untuk pesakit HIV/Aids kerana ia rawatan paling berkesan mengurangkan kandungan virus HIV dalam darah selain memanjangkan jangka hayat pesakit," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Pengesahan Riben Merah Terbesar di Rumah Pengasih di sini, hari ini.

Hadir sama, Yang Dipertua Pengasih Malaysia, Mohd Yunus Pathi Mohd dan wakil Malaysia Book of Records, Irene Liong.

Penghuni Rumah Pengasih menghasilkan riben merah berukuran 34 meter panjang dan 15 meter lebar yang dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

Projek penghasilan riben merah terbesar itu bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai HIV/Aids selain tanda simbolik usaha menangani penyakit itu selain memperingati serta memberi penghormatan kepada mangsa HIV/Aids. Riben Merah adalah simbol kempen kesedaran menangani penyakit HIV/Aids.

Marina berkata, walaupun ada beberapa pihak pendapat pengeluaran ubat generik bertentangan dasar paten, mengikut klausa perlembagaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), ia membenarkan pengeluaran produk generik dalam situasi kecemasan.

(END)